



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

SENI TELEFON DALAM FOTOGRAFI

Sriwahyuni Syaiful Gusmenta

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Keujian
(Seni Halus)
2007**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: SENI TELEFON DALAM FOTOGRAFI

SESI PENGAJIAN: 2004/2007

Saya

SRIWAHYUNI BINTI SYAIFUL GUSMENTA

Mengaku membenarkan tesis * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
5. ** sila tandakan (✓)

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Tandatangan Penulis

Tarikh:

Alamat Tetap:

AL/2 Taman Desa Kenanga, 43000 Semenyih,
Selangor.

Tandatangan Penyelea

Tarikh:

Catatan: * Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai TERHAD.

PENGESAHAN

Adalah ini diakui, saya Sriwahyuni Syaiful Gusmenta menyediakan disertasi yang bertajuk “ Seni Telefon Dalam Fotografi ” sebagai sebahagian dari keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dan Kreatif dalam program seni halus diterima:

Disahkan oleh:

.....
Haji Zulkalnain Bin Zainal Abidin
Penyelia

SENI TELEFON DALAM FOTOGRAFI

SRIWAHYUNI BINTI SYAIFUL GUSMENTA

Pojek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Halus)

Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2007

PENGHARGAAN

Assalammualaikum w.b.t....

Segala puji-pujian kepada Allah, selawat dan salam kepada Nabi Muhammad s.a.w. syukur kepada Allah, dengan taufik dan hidayah-Nya, maka dapat saya menamatkan pengajian saya beserta dengan satu projek tesis yang bertajuk “Seni Telefon Dalam Fotografi”.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pensyarah terutamanya Encik Zulkalnain sebagai penasihat saya, Encik Yakup (yang selalu mengkritik serta membimbing saya ke jalan yang betul) dan semua pensyarah seni halus yang lain serta semua kakitangan Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif. Semoga jasa dan tunjuk ajar kalian diredhai Allah hendakNya.

Disini saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada teman lelaki saya, Mohd Izhar Bin Ahmad, kawan-kawan dan tidak lupa juga kepada ahli keluarga kerana membantu dan memudahkan lagi pembelajaran saya di Unimas. Sekian, terima kasih.

PENGAKUAN

Projek bertajuk '**[Seni Telefon Dalam Fotografi]**' telah disediakan oleh **[Sriwahyuni Binti Syaiful Gusmenta]** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Seni Halus**).

Diterima untuk diperiksa
oleh:

(En.Zulkalnain Zainal Abidin)

Tarikh:

JADUAL KANDUNGAN

MUKA SURAT

Halaman Tajuk	i
Borang Pengesahan Status Laporan	ii
Pengesahan	iii
Pengakuan	iv
Penghargaan	v
Jadual Kandungan	vi
Abstrak	vii
<i>Abstract</i>	viii
BAB 1 : PENGENALAN	1-14
BAB 2 : PERBINCANGAN	15
BAB 3 : RUMUSAN DAN HASIL KAJIAN	24
BAB 4 : KARYA PERIBADI	25-32
BAHAN RUJUKAN	33-34
LAMPIRAN	35-41
Lampiran A	35
Lampiran B	36
Lampiran C	39-40

Abstrak

Teknologi telefon bimbit telah mempengaruhi tabiat masyarakat kini. Pengkarya menggunakan fungsi teknologi baru iaitu Video Message Service (VMS) sebagai satu pendekatan untuk memaparkan rakaman imej yang bersahaja dan spontan. Rakaman imagan oleh pengguna vms yang mempunyai penceritaan sendiri seterusnya akan diolah menjadi satu karya seni.

Abstract

Hand phone technology has influence the behaviors of today's society. Artist used new technology functions in Video Message Service (VMS) as a means to present recorded images naturally and spontaneously. The recorded images submitted by the VMS user will be reconstructed into work of art.

BAB 1

PENGENALAN

Penyelidikan terhadap seni telefon (Phone Art) dalam penggunaan fotografi merupakan satu tajuk yang akan memberi maklumat tentang seni fotografi itu sendiri dan juga gabungannya dalam seni bahan baru iaitu seni telefon yang masih baru dalam industri seni di dunia. Penggunaan dalam karya adalah berbeza di mana penggunaan media yang berlainan iaitu penggunaan telefon bimbit yang belum pernah dipertengahan masyarakat yang hanya sebelum ini menggunakan kamera yang standard di pasaran. Isu yang ingin dipertengahan pengkarya adalah tentang manusia yang begitu taksud di dalam perkembangan seni dan teknologi terkini dalam penggunaan kamera telefon bimbit. Pengkarya akan menggunakan imej bersahaja dan spontan yang akan diadaptasikan menggunakan kemudahan SMS (Secure Message System@Short Message Service), VMS (Video Message System@ Video Message Service) dan lain-lain.

Menurut Jeremy Caney (www.Gaelic.com), seni dianggap oleh banyak pihak sebagai gambar/ hasil seni yang menarik sementara yang lain pula mengatakan yang seni itu adalah sesuatu yang lebih abstrak. Semua orang mempunyai pendapat tersendiri mengenai seni tetapi istilah seni itu sendiri adalah kabur dan ianya menyebabkan seni itu susah hendak dihuraikan dan tidak berkesan (inefficient) dari segi pengistilahan bahasa. Untuk memahami maksud seni, ianya mesti dihuraikan kepada tiga sudut pandangan yang bertindih dan pemahaman yang meluas.

Ekspresi atau luahan perasaan di mana ekspresi adalah tindak balas gaya penonjolan luaran terhadap perasaan, emosi dan pemikiran diri artis. Ekspresi ini dipisahkan dari penonton dan ianya adalah seratus peratus bahagian artis. Secara ringkasnya, artis mempunyai ekspresi tersendiri dalam menghasilkan seni yang berhubungkait dengan perasaan, emosi dan pemikiran dan ianya tiada kaitan dengan penonton. Penonton hanya mempunyai persepsi sendiri setelah melihat hasil seni yang telah di hasilkan dan kebenaran bergantung kepada artis yang menghasilkannya.

Komunikasi berasaskan kepada pertukaran konsep dan idea dari artis kepada penonton. Seni jenis ini bergantung kepada pemahaman dan interaksi antara pelukis dan penonton.

Interpretasi adalah merupakan jenis seni yang paling kabur dan susah hendak dinyatakan. Interpretasi boleh diaplikasikan kepada apa jua keadaan dan bentuk. Prinsip asas adalah penonton mendefinisikan apa tanggapan seni kepada dirinya dan menganggap seni kepada pengaruh dirinya serta menganggap seni itu sebagai pencarian identiti individu itu sendiri. Interpretasi adalah sepenuhnya bebas dari perancangan artis dan ianya dilakukan secara semulajadi dan menurut keadaan tertentu. Sebagai contoh, sesetengah pihak menganggap matahari terbenam sebagai interpretasi seni. Seni juga boleh dikategorikan sebagai ciptaan manusia atau alam semulajadi yang mengandungi idea yang meluahkan rasa selain daripada kegunaan biasa (tontonan dan tanggapan -penonton). Seni juga boleh dibahagikan kepada empat faktor ciptaan asas iaitu;

Jenis adalah merupakan faktor pertama yang diaplikasi kepada semua jenis bidang seni. Ciptaan boleh dijeniskan kepada seni ukir, tarian, lakonan, bahan seni, perwakilan seni atau hanya perbuatan. Baruch Spinoza (1632-1677) iaitu seorang ahli

falsafah Yahudi yang radikal pada abad ke 17 pernah mengatakan yang bahan fizikal adalah pelantar kepada idea asli.

Definisi pula merupakan faktor yang kedua. Definisi kepada seni tidak hanya mengambil kira seni sebagai cantik dan indah, tetapi juga merangkumi yang seni itu mempunyai maksud dan idea. Penilaian estetik terhadap seni bergantung kepada setiap individu dan tidak mempengaruhi kewujudannya yang mempunyai maksud tertentu.

Sebenarnya seni tidak mempunyai tujuan yang tepat. Hal ini yang akan membezakan seni dari peralatan kegunaan harian. Contohnya seni lebih kepada konsep idea dan pemikiran. Dengan tidak mempunyai tujuan yang tepat juga membezakan seni lakonan dari perbuatan harian seperti berjalan, makan dan sebagainya. Tujuan asal seni adalah keupayaannya untuk menghasilkan konsep dan idea.

Dengan mengikut prinsip idea, seni menjadikan ciri-ciri asas kemanusiaan sebagai makhluk hidup. Seni juga membezakan manusia dengan haiwan di mana manusia cuba menyampaikan sesuatu konsep serta idea sementara haiwan bertindak hanya untuk hidup.

Seni fotografi adalah seni yang melibatkan penghasilan imej ke atas kertas dan media lain menggunakan kamera seperti juga catan (painting) yang menghasilkan imej ke atas kanvas dengan menggunakan media warna catan dan berus. Catan lebih menggunakan kemahiran tangan dan persepsi artis dalam membayangkan imej untuk dilukiskan ke atas kanvas. Sebenarnya imej atau gambar yang dilukiskan ke atas kanvas atau media lain oleh artis adalah lebih kepada apa yang pernah dilihat oleh artis dan boleh di anggap sebagai penduaan (copying) atau peniruan dari objek sebenar atau semulajadi dengan menggunakan media catan, berus cat dan kemahiran tangan.

Fotografi, satu ciptaan hasil gabungan seni dan sains, adalah satu bahantara dalam budaya, yang mempunyai hubungan kompleks dengan realiti, hubungan yang mencerminkan pula kemanusiaan kita yang kompleks. Mungkin, inilah sebabnya dalam kita melangkah ke alaf baru, kita diselubungi oleh imej-imej ‘rakaman’ pada kadar yang tidak pernah dialami manusia sebelum ini. Malah ianya menjadi sebahagian besar pengalaman tampak kita sehingga seakan-akan hampir mengambilalih fungsi mata kita

Seni fotografi tidak banyak berbeza dengan seni catan konvensional di mana seni fotografi melibatkan penggunaan alatan elektronik dan bahan kimia untuk menghasilkan warna. Dari segi konsep, fotografi boleh dianggap sebagai seni kerana penghasilan imej akhir adalah sama dengan teknik catan iaitu gambar. Yang penting dalam penghasilan imej atau gambar adalah persepsi dan penilaian artis terhadap sesuatu pandangan (view) atau objek di mana ianya boleh dianggap seni atau hanya dokumentasi. Imej yang terhasil mempunyai persoalan yang hanya mampu dijawab oleh artis dan audiens iaitu samada ianya adalah berbentuk seni atau dokumentasi.

Seni fotografi terhasil dari timbulnya nilai estetika dan perasaan yang kagum terhadap sesuatu imej. Setiap insan yang tahu menilai keindahan serta mempunyai perasaan kagum terhadap sesuatu pemandangan, rupa bentuk atau objek akan tahu menilai antara seni dan dokumentasi. Fotografi adalah satu langkah yang besar dalam dunia seni di mana fotografi telah wujud pada masa seni catan telah dianggap sebagai seni dunia lama yang mengagungkan seni lukisan dalam aliran Romantism dan Renaissance. Akibat dari seni lama yang telah terlalu lama diagungkan, maka para artis telah mencuba pelbagai cara untuk mencari seni dari aliran baru.

Fotografi telah dikritik sebagai mencero boh ke dalam bidang seni akibat ramai pengkritik seni seperti Henry Delaborde dalam penulisannya “Revue Des Deux

Mondes” yang membantah kemasukan fotografi sebagai seni. Baudelaire pula telah mengutuk fotografi sebagai pembawa kelucahan dan jalan keluar untuk bakal artis atau artis yang terlalu malas untuk menghabiskan kajian mereka. Beliau juga menganggap fotografi sebagai penyebab untuk berkurangnya artis Perancis yang bijak. Courbet sebagai seorang artis dan pengasas realisme juga tidak mahu terlibat dengan seni fotografi walaupun idea estetik realisme adalah seseorang tidak boleh melukis tanpa melihat dan lukisan aliran realisme adalah penulisan yang teliti mengenai alam.

Penekanan konsep realisme adalah sama dengan fotografi dimana fotografi menghasilkan imej yang sebenar dan bukan peniruan. William Lake Price telah menghasilkan sebuah hasil seni yang menakjubkan seperti “Don Quixote in his study” dan persetujuan oleh ramai pengkritik artis sebagai penghasilan gambar melalui fotografi. Oscar Gustav Rejlander menyatakan yang konsep gambar adalah komposisi, ekspresi dan postur figura, penyusunan latar dan pakaian, pengagihan cahaya dan bayang, pencantuman sebagai satu dalam penghasilan gambar, memerlukan pemikiran minda dan manipulasi artistik melalui media krayon, cat atau agensi fotografi. Rejlander menekankan yang penghasilan sesuatu gambar adalah melalui proses yang sama dan fotografi tidak terkecuali.

Rejlander telah menghasilkan gubahan “Two ways of life” untuk menunjukkan yang seni fotografi boleh menghasilkan komposisi dari kehidupan yang selalu diterangkan dalam novel dan lukisan. Seorang lagi pejuang seni fotografi adalah Henry Peach Robinson yang telah dipengaruhi oleh hasil karya Rejlander. Beliau mementingkan teknik dalam fotografi dan menggunakan penemuan untuk tujuan yang lebih tinggi dalam seni. Dengan adanya teknik yang tertentu, seni fotografi adalah setaraf dengan penghasilan lukisan pada zaman renaissance.

Walaupun artis lain menganggap seni fotografi sebagai sesuatu yang membosankan tetapi Robinson telah menafikan dengan penghasilan karyanya bertajuk “Fading away” yang bertujuan untuk merangsang emosi sedih dan beliau telah berjaya meyakinkan artis lain yang seni fotografi boleh menyentuh emosi dan perasaan dengan sentiment sedih.

Terdapat beberapa karya di dalam perkembangan seni catan dunia yang banyak menggunakan isu yang cuba dipertengahan oleh pengkarya iaitu sikap dan tingkah laku manusia yang spontan dan bersahaja.

Sikap manusia adalah berdasarkan tingkah laku seseorang itu. Sikap seorang itu dapat mempengaruhi penilaian seseorang dari segi positif dan negatif. Tingkah laku seseorang pula bergantung kepada keadaan sekeliling yang membolehkan mengubah pandangan seseorang itu. Secara automatik, gambar yang dirakam dan dipilih oleh pengkarya nanti adalah bersahaja dan spontan sesuai dengan interpretasi gambar. (The Social Science Encyclopedia 2nd Ed. 1996)

Antara aliran catan yang mempertengahan isu-isu ini adalah seperti di aliran Fauvisme dan Surrealisme. Artis-artis dalam aliran Fauvisme yang terlibat dalam mendominasi isu ini adalah seperti Henry Matisse dan Andre Derrain. Manakala di aliran Surrealisme artis yang terlibat seperti Paul Klee dan Joan Miro. Keempat-empat artis ini dijadikan rujukan pengkarya dalam menghasilkan karya.

Artis-artis dalam aliran Fauvisme banyak terlibat dalam mendominasi isu spontan dan bersahaja seperti Henry Matisse dan Andre Derrain. Pada tahun 1905 semasa kemunculannya aliran Fauvisme, Henry Matisse telah memeranjatkan dunia seni lukis dengan Pameran 3rd d’Antonne. Karyanya yang dihasilkan menggunakan warna yang memeranjatkan, cerah, terang dan segar dengan gambaran yang penuh dengan

kegarangan dan keganasan sehingga karya-karyanya digelar “the beast” atau binatang atau “Fauves”. Dari kesemua istilah ini, wujud dan lahir gerakan atau gaya Fauvism.

Karya beliau merupakan salah satu manifestasi dari bebas perasaan melalui manipulasi potret, lanskap, ruangan dalaman, alam benda dan figura bogel. Karya beliau merupakan lanjutan dari idea dan gaya yang dibawa oleh Van Gogh. Kespontanan dalam berkarya adalah ciri paling penting kerana rasa dan luahan berlaku pada masa-masa tertentu dalam kehidupan. Warna primer banyak digunakan dalam karya dan lazimnya warna segar dari botol warna dipalitkan terus ke atas kanvas. Warna yang digunakan adalah tebal sehingga menjadikan ianya jelas dengan motif corak yang digunakan tebal sehingga melahirkan jalinan gabungan warna tersebut. Sapuan berus beliau tampikan adalah tebal dan kasar menjadikan ia jelas dengan motif corak yang digunakan kasar dan besar. Beliau dalam karyanya bukan mementing apa yang dilukis dan nilai rupa. Beliau beranggapan bahawa kedua-dua elemen ini tidak lagi penting tetapi perasaan dan emosi yang subjektif lebih diutamakan untuk diluahkan dalam penghasilan karya yang baik.

Dalam karya beliau iaitu “The Red Room” memperlihatkan ia dibuat secara spontan, kaya dengan jalinan, warna dan rupa yang besar serta menggunakan warna yang segar, garang seperti *vermilion*, hijau *emerald*, biru *cernlean* dan jingga. Garisan yang dibuat adalah secara lengkungan dan terkawal seterusnya menghasilkan satu suasana yang ceria, seperti dalam majlis keraian, dan bermakna. Bentuk-bentuk gambar kesemuanya dipermudahkan. Ruang dalamannya terkeliru dan perspektifnya cacat. Beliau menyamakan corak pada dinding dan alas meja yang hasilnya memberi satu gambaran yang mengelirukan dan adalah susah kepada audiens untuk dipastikan bahawa samaada pada dinding itu adalah ruang tingkap atau gambar.



fig. 1: The Red Room

Manakala dalam karya Andre Derain bertajuk “London Brige” sama sekali menolak elemen keharmonian. Perspektif dalam karyanya salah, tidak sebenar dan penggunaan warna yang tidak semulajadi. Beliau beranggapan dan menimbulkan konsep baru iaitu warna tidak lagi berfungsi untuk menggambarkan ton pada objek tetapi lebih merupakan persembahan emosi.



fig. 2: London Brige

Artis-artis seperti Paul Klee dan Joan Miro dalam aliran surrealisme juga banyak terlibat dalam mendominasi isu spontan dan bersahaja di dalam karya masing-masing. Walaupun mempunyai isu yang sama namun mereka menggunakan pendekatan yang berlainan dalam menghasilkan karyanya.

Aliran surrealisme merupakan akibat daripada gerakan dan pemikiran aliran Dada sebelum ini yang tidak bertahan lama. Kebanyakannya ahli gerakan ini telah menyerap dalam penerokaan seterusnya ke aliran gaya surrealisme. Gerakan ini berhasrat meneroka dan mencari cara untuk meluahkan rasa seni dalam bentuk dunia mimpi dan alam bawah sedar.

Pencarian dan penerokaan dalam dunia psikik, kenyataan fantasi dan alam bawah sedar adalah objektif utama dalam gaya ini. Mereka mengkaji kewujudan mimpi dan igau serta membawa alam luar dan alam batin bersama dalam satu keadaan iaitu kanvas. Idea ini merupakan konsep baru gambaran yang berteraskan idea Dada iaitu kekosongan.

Paul Klee adalah seorang pelukis surrealisme yang abstrak. Beliau yang mempunyai latar belakang muzik yang menyamakan muzik dan seni lukis yang harus mengetuk pintu rohani audiennya melalui warna, bentuk, garisan dan makna. Karyanya amat bermakna dan bersifat simbolik. Karya beliau yang bertajuk "Death and Fire" ditakrifkan sebagai sebuah ideogram. Karya ini merupakan sebuah karya yang mudah, ada gambar dan menyeliputi seribu makna. Terdapat gambar figura lidi, kepala mayat, berwarna putih dan tulis *tod* di dalamnya yang membawa maksud 'mati'. Manakala warna hijau dan merah melambangkan api dan air. Keseluruhan hasilnya, terasa sesuatu yang misteri iaitu bersifat keagamaan dalam lukisan ini.




fig. 3: Death and Fire

Joan Miró juga merupakan seorang lagi pelukis surrealis. Penggunaan gambar serta imagan yang digunakan oleh beliau dalam catannya penuh dengan fantasi dan halusinasi. Karya catan beliau bermula dengan kolaj. Bentuk-bentuk biomorphik dipotong-potong, disusun dan diwarnakan dengan warna yang dramatik, spontan serta mengikut kehendak intuisinya. Beliau sebenarnya sendiri tidak merancang dan sedar akan ke mana arah karyanya. Beliau hanya akan berhenti melukis apabila sekiranya berasa yang hendak dicapainya itu jelas terasa dalam dirinya.

Karya pengkarya adalah mengenai seni bahan baru dalam pendekatan seni fotografi dengan menggunakan pengolahan media baru iaitu menggunakan telefon bimbit seterusnya mengetepikan seni tradisional yang hanya menggunakan tradisional kamera. Karya ini mempunyai setiap isi cerita (photo story) yang berlainan iaitu imej yang berlainan. Bantuan video dan audio yang secara automatik membuat audien

memahami maksud pengkarya dengan pendekatan yang mudah iaitu pengutaraan antara pandangan, audio dan elemen seni yang bersifat keindahan yang bersahaja dengan seni yang mempunyai maksud, idea dan konsep di atas media yang berbentuk fotografi. Projek ini juga adalah untuk audien menilai sesuatu dari arah pandangan yang berbeza.

Seni bahan baru juga dikenali sebagai seni bahan adalah terma generik yang diguna pakai untuk memberi gambaran menceritakan apa itu seni dan kaitannya atau penghasilannya, teknologi yang berkaitan atau kewujudannya berkembang sejak pertengahan abad ke-20. Terma masing-masing wujud daripada kepelbagaian kebudayaan objek itu sendiri. Hal ini boleh dilihat dalam perbezaan seterusnya mengubah dari bahan seni terdahulu iaitu konvensional catan, arca dan sebagainya.

Seni bahan baru diadaptasikan yang digabung daripada telekomunikasi, media massa dan digital yang digunapakai dalam penyampaian karya, dengan penambahan gabungan pendekatan aliran seperti konseptual kepada seni maya, persembahan kepada instalasi. Seni bahan baru ini digunakan termanya dalam disiplin-disiplin seni seperti *Audio Art, Cell Phone Art, Computer Art, Digital Art, Electronic art, Finance art, Generative Art, Hactivism, Interactive Art, Internet Art, MediaTechnology Art, Performance Art, Robotic Art, Software Art, Sound Art, Video Art* dan *Video Game Art*.

Seni bahan baru diadaptasikan yang digabung daripada telekomunikasi adalah merupakan terma dalam seni telefon bimbit (phone art). Pengkarya berpendapat demikian kerana pendekatan sains dan teknologi komunikasi adalah perantaraan antara elektronik transmisi dan sistemnya dari *impulse* contohnya telegraf, kabel, radio, telefon mahupun televisyen. Secara kesimpulan telekomunikasi adalah salah satu contoh untuk kaedah dalam penghantaran sebagai alat pemancar untuk pertukaran mesej yang di antara manusia berkomunikasi.

Kajian ini juga akan membezakan seni yang memaparkan estetika atau keindahan dan kecantikan bukan sahaja untuk penghayatan penonton tetapi wujudnya mesej cerita di situ (photo story).

Dengan terma yang dinyatakan pengkarya mendapat idea dengan menggunakan bahan baru dalam menghasilkan karya iaitu menggunakan kamera telefon bimbit. Penggabungan isu yang berkaitan telefon bimbit, artis yang terlibat dan aplikasinya dikaji dengan jelas supaya dapat menghasilkan karya sebenar.

Kewujudan permasalahan kajian banyak pengkajian dibuat terhadap seni telefon menyukarkan pengkarya kerana seni telefon bimbit ini merupakan aliran seni yang baru yang walaupun seni ini berada di bawah satu rumpun di dalam seni bahan baru. Pengolahan analisis mengenai seni bahan baru juga amat terhad kerana seni ini wujud mengikut peredaran zaman, isu dan gabungan seni teknologi serta tidak lupa pada seni globalisasi.

Penggunaan bahan baru dalam telefon bimbit amat merumitkan apabila ianya melibatkan perisian-perisian yang khas, perisian yang baru dan moden. Hal ini kerana pengkarya banyak menggunakan pelbagai perisian untuk menghasilkan karya ini. Antara perisian yang diguna pengkarya adalah Miksoft Mobile 3GP Converter, Nokia Multimedia Converter Pro v 2.0b, SmartMovie S60 v2.20 (For Mobile Installation), SmartMovie Converter (Series 60 For PC Converter), VCD Gear, dan Video Convert Master.

Pengkarya terpaksa mengkaji perisian telefon bimbit bagaimana untuk serasi sebagai bahan utama karya. Keseluruhan imej yang digunakan dalam karya adalah imej yang dihantar menggunakan sms, mms dan vms. Oleh itu, timbulnya masalah untuk memuat turun mms dari telefon bimbit kepada komputer selalu berlaku.

Tidak lupa juga apabila pengkarya hendak memindahkan semula karya yang sudah siap ke dalam telefon bimbit sebagai daripada sebahagian persembahan akhir karya juga memerlukan masa yang panjang dan rumit dan terpaksa menukar semula kepada karya kepada format asal telefon bimbit semula untuk mengelakkan sebarang fail dapat dibaca dengan betul. Proses untuk memuat turun imej mengambil masa yang lama jika sekiranya timbul masalah daripada telefon itu sendiri mahupun komputer yang digunakan. Penggunaan teknologi baru dalam telefon bimbit terutamanya dari segi perisian telefon yang sentiasa berubah dari masa ke semasa mengikut peredaran zaman teknologinya.

Kajian masalah ini juga akan menerangkan secara terperinci tentang penakrifan seni fotografi dari interpretasi seni telefon dan seni fotografi itu sendiri dalam karya nanti. Kajian ini juga akan membezakan seni yang memaparkan keindahan dan kecantikan bukan sahaja untuk penghayatan penonton tetapi wujudnya cerita di situ (photo story).

Pengkajian yang menyeluruh dalam sejarah awal dan elemen-elemen seni fotografi dengan penambahan gabungan dalam seni bahan baru iaitu seni telefon bimbit yang masih baru dalam industri seni di dunia dapat dibuktikan dengan kepenggunaannya dalam menghasilkan sesebuah karya baru. Pengkarya mencuba menentengahkan penggunaan media yang berlainan iaitu penggunaan telefon bimbit yang belum pernah dipertengahkan masyarakat yang hanya sebelum ini pengkarya lain hanya menggunakan kamera yang standard di pasaran.

Isu yang ingin dipertengahkan pengkarya adalah tentang manusia yang begitu taksub di dalam perkembangan teknologi terkini seperti telefon bersel atau telefon bimbit di mana sebagai contoh pengambilan gambar dirakam yang dihantar secara SMS

(Secure Message System@Short Message Service), VMS (Video Message System@Video Message Service), 3G (3rd Generation) dan lain-lain sesama masing-masing dapat dibuktikan dengan penghasilan karya nanti.

Pengkarya cuba memberitahu masyarakat pada karya untuk mencari dan memberi pendekatan yang nyata berkenaan seni fotografi. Pengkarya juga ingin memberi penghujahan berkenaan elemen seni bahan baru iaitu seni telefon bimbit yang masih baru dalam industri seni di dunia dapat dibuktikan dengan kepenggunaannya dalam menghasilkan sesebuah karya baru. Karya ini juga turut mengubah persepsi kepada telefon bimbit yang ianya boleh dijadikan sebagai salah satu medium seni. Selain itu, pengkarya ingin memberi penjelasan kepada masyarakat bahawa seni telefon bimbit merupakan komponen dalam seni fotografi.

Penyelidikan terhadap seni telefon (Phone Art) dalam penggunaan fotografi dan analisis maklumat tentang sejarah seni fotografi telah dirujuk oleh pengkarya dengan menggunakan beberapa buku ilmiah dan rujukan laman web di internet. Selain itu, pengkarya juga menggunakan jurnal dan tesis dari senior yang lepas.

Penggunaan bahan oleh pengkarya dalam karya adalah berbeza di mana penggunaan media yang berlainan iaitu penggunaan telefon bimbit yang belum pernah dipertengahan masyarakat yang hanya sebelum ini hanya menggunakan kamera yang standard di pasaran, dikenalpasti belum lagi diolah oleh rakan senior yang terdahulu. Namun isu yang ingin dipertengahan pengkarya mengenai manusia yang begitu taksud di dalam perkembangan seni dan teknologi terkini kemungkinan adalah sama tetapi pengolahan media yang berlainan.

BAB 2

PERBINCANGAN

Kewujudan dalam perkembangan seni bahan baru iaitu seni telefon telah mewujudkan pamerannya yang tersendiri dan sudah sedia ada untuk dipertontonkan sebagai pameran seni kepada masyarakat. *Sent phonecam* adalah salah satu projek seni yang dijalankan di Los Angeles. Pameran ini mempamerkan pelbagai imej hasil daripada karya 25 artis jemputan, pembuat filem, dan selebriti yang diambil dan dihantar oleh sekumpulan masyarakat.

Terdapat ramai artis-artis baru yang begitu taksib dalam mengadaptasikan seni bahan baru ini di mana salah satunya ialah seni telefon (phone art) yang mempunyai persamaan dengan karya pengkarya. Artis yang berkenaan yang perkarya maksudkan adalah Steve Diet Goedde.

Beliau lahir pada tahun 1965 di St. Louis, Missouri dan mula berkecimpung dalam bidang fotografi daripada bapanya sendiri yang merupakan seorang jurugambar amatir . Pada umur 13 tahun, beliau bertekad ingin melanjutkan pelajaran dalam bidang fotografi setelah mendapat sumber inspirasi daripada jurugambar terkenal pada ketika itu terutamanya sekali Richard Avedon, Lillian Bassman dan Diane Arbus.

Kemudian beliau berpindah ke Chicago pada tahun 1985 untuk menuntut di Art Institute of Chicago di mana beliau mempelajari bidang perfileman dan catan (painting). Beliau mula bergiat dalam fotografi apabila beliau menyedari nilai estetika dalam dirinya dan stail visual dari diri sendirinya.

Menjelang tahun 1998, majalah terbitan fotografi iaitu Edition Stemmler menerbitkan koleksi beliau di Chicago yang bertajuk "The Beauty of Fetish" yang berkaitan dengan kepersonaan beliau dalam elemen fesyen seperti getah, kulit dan